



PENGAMAL media Johor hadir pada majlis penghargaan dan jamuan koktail yang ditaja oleh Puteri Hotel, kelmarin.

The Puteri Hotels rai pelanggan

JOHOR BAHRU: Sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada kesetiaan dan sokongan pelanggannya, The Puteri Hotels Sdn Bhd baru-baru ini menganjurkan majlis penghargaan dan jamuan koktel bagi meraikan rakan pelanggan mereka.

Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Hospitaliti Johor

“Pihak kami menyedari sokongan diberikan pelanggan adalah sangat penting, justeru sambutan majlis adalah bagi menghargai mereka”

AFM Shafiqul Hafiz
Ketua Pegawai Eksekutif
Bahagian Hospitaliti Johor
Corporation

Corporation, AFM Shafiqul Hafiz, berkata majlis yang diadakan berkenaan berjaya mengumpulkan lebih 400 tetamu daripada pelbagai badan kerajaan, korporat dan media untuk beramah mesra dengan pihak pengurusan.

Katanya, selain membawa objektif utama untuk mengucapkan terima kasih tanda penghargaan berkenaan, majlis berkenaan juga dilangsungkan bertujuan menjalinkan hubungan kerjasama lebih erat dan kukuh yang sedia terjalin antara mereka.

“Pihak kami menyedari bahawa sokongan dan kerjasama diberikan pelanggan adalah sangat penting, justeru sambutan majlis yang diadakan adalah bagi menghargai jasa mereka yang terus setia memberikan sokongan tidak berbelah bagi,” katanya.

Pelanggan, wakil media dirai

Puteri Pacific Johor Bahru adakan majlis penghargaan, jamuan koktel

SYAREENA ALI

SENAI - Puteri Pacific Johor Bahru baru-baru ini mengadakan Majlis Penghargaan dan Jamuan Koktel bagi meraikan pelanggan mereka yang terdiri daripada badan kerajaan, korporat dan media di Dewan Permata Ballroom hotel tersebut.

Objektif majlis diadakan sebagai tanda penghargaan pihak pengurusan kepada pelanggan di atas kesetiaan dan juga sokongan yang diberikan, di samping menjalin hubungan kerjasama yang lebih erat.

Ketua Pegawai Eksekutif Bahagian Hospitaliti Johor Corporation merangkap Pengarah Urusan The Puteri Hotels Sdn Bhd, Shafiqul Hafiz berkata, pihaknya menyedari dan menghargai so-



Sebahagian rakan media yang turut hadir memeriahkan majlis.

kongan berterusan yang ditunjukkan pelanggan dan kerjasama media yang membantu mempromosikan aktiviti pihak hotel.

Penerangan turut diberikan Ketua Pegawai Operasi, Mohamad Mazlan Ali mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan

kan bahagian hospitaliti.

“Kami akan memastikan pelanggan menikmati nilai tambah dalam setiap produk dan perkhidmatan yang ditawarkan dan akan berusaha sepenuhnya bagi memastikan pelanggan mendapat perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik,” katanya.

Majlis diakhiri dengan cabutan nombor bertuah dan Anugerah Pakaian Terbaik bagi kategori lelaki dan wanita.

Lebih 400 tetamu hadir meraikan majlis berkenaan yang turut disambut mesra Pengurus Besar Kanan Puteri Pacific, Beppi Forster Lau.



Sebahagian jemputan yang hadir dan turut diraikan.



Sesi pendaftaran para jemputan.